

25/11/2001

PM selar pembangkang tidak kenang budi

Zainudin Isa

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar sikap sesetengah pemimpin dan ahli parti pembangkang yang tidak pernah berterima kasih terhadap bantuan yang pernah diberikan kerajaan, seperti tanah dan biasiswa.

Perdana Menteri berkata, lebih menyedihkan sikap tidak bersyukur dan mengenang budi ini diajar pula kepada semua pengikut mereka.

"Kalau kita tolong mereka, mereka akan gigit tangan kita. Inilah tabiat mereka. Ini diajar kepada semua pengikut mereka supaya jangan berasa terhutang budi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Asiaspace dot com, sebuah syarikat yang diberi lesen menyediakan akses kepada 'Worldspace System' di Malaysia, di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan kelmarin, mengenai kesediaan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk menyenaraikan mereka yang pernah menerima tanah, termasuk di kalangan pemimpin pembangkang sewaktu era pentadbirannya.

Muhammad berkata, antara pemimpin yang masih diingatnya menerima pemberian tanah di negeri itu ialah Naib Presiden Pas yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Burung, Datuk Dr Hasan Ali dan Adun Gombak Setia, Datuk Ismail Kamus.

Perdana Menteri berkata, sewaktu di dalam kerajaan, kerajaan melayan permintaan mereka seperti memberikan tanah dan biasiswa.

Malangnya, apabila menyertai parti lawan, mereka bertindak membalasnya dengan melemparkan pelbagai kecaman terhadap kerajaan.

Sambil menyifatkan sikap pemimpin pembangkang terbabit sebagai budaya amat buruk, Dr Mahathir berkata:

"Memang mereka sedar bahawa mereka berhajat masuk parti pembangkang, tapi sewaktu mereka bekerja dalam kerajaan, jadi iman kadang-kadang, mereka menyembunyi hasrat mereka dan meminta macam-macam untuk diri mereka.

"Mereka mendapat layanan, tapi orang ini tidak pernah berterima kasih," katanya.

Mengenai kedudukan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tempoh suku tahun ketiga menguncup 1.3 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan bertekad menentukan yang Malaysia tidak melalui kemelesetan ekonomi bagi tahun ini.

"Kalau kita mengikut perhitungan biasa dalam dua suku tahun ini terdapat kuncupan ekonomi, itu bermakna kita berada dalam kemelesetan.

"Kita berharap suku keempat negara akan mencapai pertumbuhan yang sedikit tapi mencukupi untuk menentukan bagi seluruh tahun ekonomi berada dalam pertumbuhan positif," katanya.

Kelmarin, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata bagi seluruh tempoh sembilan bulan tahun ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah pada kadar 0.7 peratus.

Katanya, ekonomi Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan dalam tempoh suku tahunan ketiga lalu dengan KDNK berkembang 0.8 peratus, berbanding suku tahunan sebelumnya.

(END)